

Penduduk dah suarakan kerisauan beberapa kali

(21.05.2023) Metro, P6

Kuala Lumpur: "Saya hanya mampu lihat barang-barang berterbangan ditiup angin kuat apabila dinding bilik tercabut."

Begitu kata Faridah Saim, 54, penyewa sebuah unit di Tingkat 12 Perumahan Awam Loke Yew di sini, apabila dinding bilik di kediamannya tercabut dalam kejadian ribut, kelmarin.

Menceritakan semula kejadian, Faridah berkata, ketika insiden berlaku kira-kira jam 7 malam, dia dan suami, Nazri Nasir, 55, sahaja berada di rumah terabit.

"Saya sedang mengambil pakaian yang dijemur di balkoni manakala suami pula sedang bersiap untuk menunaikan solat Maghrib di bilik berkenaan sebelum angin kuat memasuki rumah.

"Angin kuat dari arah balkoni masuk ke ruangan bilik itu yang terbuka pintunya sebelum saya lihat ada regangan pada dinding berkenaan diperbuat daripada papan.

"Dalam tempoh beberapa saat sahaja, saya lihat dinding itu tercabut separuh sebelum lenyap sepenuhnya diterbangkan angin. Ada beberapa pakaian, langsir serta beg di dalam bilik turut diterbangkan angin," katanya ketika ditemui di rumahnya di perumahan itu, di sini, semalam.

Faridah berkata, dia kemudian meminta bantuan jiran untuk membantu mengalihkan barangan di bilik berkenaan.

"Saya ada dengar jiran-jiran lain juga menjerit dan melaungkan kalimah Allahu Akbar ketika angin kuat melanda rumah mereka. Mujur tiada sesiapa yang cedera dalam insiden ini.

"Ini adalah kejadian kedua berlaku membabitkan insiden dinding tercabut apabila ribut dan ada jiran sudah menyuarakan kebim-



FARIDAH

bangun mengenai isu sama berulang kali kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)," katanya.

Suri rumah itu berkata, sebahagian dinding bangunan itu diperbuat daripada papan dan pihaknya bimbang ia tidak kukuh dengan keadaan angin kuat terutama pada waktu ribut.

"Pada hari biasa sahaja angin sudah begitu kuat memandangkan kebanyakan pokok di kawasan sekitar sudah ditebang.

"Perkara ini menyebabkan kami (penduduk) bimbang terhadap keselamatan diri dan keadaan struktur rumah terutama ketika ribut.

"Selepas kejadian dinding tercabut di bangunan ini pada 2014, ada jiran yang tampil membuat aduan kepada DBKL namun perkara ini berulang semula," katanya yang sudah menetap di rumah itu sejak 28 tahun lalu.

Katanya, dia berharap isu itu dapat ditangani dengan segera bagi mengelakkan masalah sama berlaku pada masa akan datang.

Tinjauan di rumah Faridah mendapati terdapat beberapa kontraktor DBKL sedang membina semula dinding bilik berkenaan menggunakan bata.